

Hasan Ali akan menjelajah keseluruhan negara perjas isu pemecatan
The Malaysian Insider
16 Januari , 2012
Oleh Shazwan Mustafa Kamal

KUALA LUMPUR, 16 Jan — Bekas pemimpin PAS Selangor, Datuk Dr Hasan Ali hari ini berkata dia akan menjelajah ke seluruh negara untuk memberi penjelasan sebenar terhadap sebab pemecatannya oleh PAS yang disifatkan tidak adil.

Dalam sidang media di kediamannya, Hasan menuduh pemecatannya berlaku sehari selepas Timbalan Presiden PKR, Azmin Ali menyerangnya apabila dia tidak menggalakkan mahasiswa daripada menyertai perhimpunan pembebasan Datuk Seri Anwar Ibrahim minggu lepas.

Menurut Hasan (gambar), pemecatannya adalah bertentangan dengan prosedur dan tidak demokratik serta menyifatkannya sebagai tindakan "autokratik" pemimpin PAS kerana tidak memberikan ruang kepadanya untuk mempertahankan diri daripada tuduhan yang dia sendiri tidak jelas.

"Saya tiada kepentingan tersendiri. Saya akan mulakan jelajah ke seluruh negara, dan setakat ini saya telah menerima jemputan di Sabah untuk menjelaskan keadaan sebenar institusi berkenaan, sama ada mereka mampu untuk mempertahankan Islam, Melayu, dan kedaulatan institusi Raja.

"PAS seharusnya menjadi bertanggungjawab terhadap aspek-aspek terbabit, tetapi mereka gagal ... saya akan turut menjelaskan sejauh mana PKR dan DAP telah mempengaruhi PAS dalam jelajah tersebut," katanya.

Hasan turut menuduh "parasit" berkenaan telah menyerap ke dalam parti dan menundukkannya terhadap kehendak mereka dan mengubah perjuangan Islam PAS.

"Pemecatan saya adalah kerana saya mengatakan perbicaraan pemimpin PKR itu adalah perkara peribadi beliau.

"(Tapi) sekarang, terdapat proses "pengAnwarisasi" berlaku dalam PAS," kata Hasan, dan menuduh keputusan parti tersebut telah dipengaruhi Anwar.

Hasan turut menjelaskan, pihaknya sudah menerima surat rasmi dari istana Selangor hari ini yang menyatakan pemecatannya sebagai exco negeri berkuatkuasa hari ini.

"Saya merasakan, pengguguran saya sebagai exco adalah bertentangan dengan perundangan PAS, yang mana akan tamat pada hari terakhir rayuan saya ... (tapi) saya tiada sebarang masalah digugurkan sebagai exco," tambahnya.

Tambah Hasan, dia akan gunakan kedudukannya sebagai orang kanan NGO Himpun sebagai platform baginya menyuarakan pendapatnya, dan dia belum terfikir untuk menyertai PAS semula buat masa ini.

"Bila PAS kembali ke landasan asalnya, kemudian baru Hasan Ali akan mengisi borang

keahliannya," tambahnya lagi.

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/hasan-ali-akan-menjelajah-kes-eluruh-negara-perjelas-isu-pemecatan/>